

19 JUL 1999

DR MAHATHIR SERTAI MAJLIS TAHLIL DI KUBANG PASU

JITRA, 19 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dalam rangka lawatan dua hari ke Kedah malam ini menghadiri majlis tahlil di Masjid Lama Jitra, di sini.

Majlis itu disertai kira-kira 400 orang. Ia dianjurkan oleh Biro Agama dan Kebajikan Umno Kubang Pasu.

Majlis diketuai oleh Imam masjid tersebut, Haji Ismail Hassan.

Dr Mahathir yang juga anggota Parlimen Kubang Pasu dan Ketua Umno bahagian Kubang Pasu sebelum itu menunaikan solat Maghrib di masjid tersebut.

Turut hadir ialah isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob serta bekas Menteri Besar Kedah dan timbalan ketua Umno Kubang Pasu, Tan Sri Osman Aroff.

--BERNAMA

nz zb